

Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

Hari Minggu Biasa ke-5

GARAM DAN TERANG DUNIA: PERSEKUTUAN, PENYERTAAN DAN MISI

TEMA BULANAN: HARI KEADILAN SOSIAL SEDUNIA

INI AKU.

Utuslah Aku!

Walaupun Simon Petrus mengaku dirinya tidak layak, Yesus masih memanggil Simon untuk mengikut Dia - sebagaimana keadaannya - *seorang pendosa*. Tuhan tidak meminta testimoni diri daripada Simon atau memberitahu dia untuk memperbetulkan tindakannya atau bahkan untuk mengemaskan dirinya sendiri (*bayangkan rupa nelayan selepas memancing sepanjang malam*). Tidak lama sebelum ini, Petrus dan rakan-rakan memancingnya, Yakobus dan Yohanes, mendapat tangkapan ikan terbesar dalam kerjaya mereka sebagai nelayan.



PETIKAN TULISAN
SUCI UNTUK
DIHAFAL:

...mereka
meninggalkan
segala
sesuatu, lalu
mengikut
Yesus.

(Lukas 5:11)

Namun, ironisnya, kini mereka memutuskan untuk meninggalkan aset berharga mereka, iaitu bot mereka, meninggalkan "kejayaan yang baru ditemui" mereka dan mengikut Yesus. Yesus memanggil seadanya mereka - *nelayan biasa* - supaya Dia boleh menjadikan mereka *penjaja manusia yang luar biasa*.

Banyak kisah telah diceritakan tentang Allah memanggil orang biasa yang menjalani kehidupan biasa mereka. Sepanjang Kitab Suci, kita melihat bahawa dosa, kegagalan dan ketidakcukupan bukanlah penghalang kepada panggilan Allah. Dalam kebanyakan keadaan ini, orang yang dipanggil oleh Allah tidak bersedia, kadang kala tidak mahu atau pada kebanyakan masa, merasa tidak layak untuk melayani-Nya. Allah tidak menunggu mereka menjadi "sempurna". Dia tahu bahawa di bawah pengawasan-Nya, mereka akan melaksanakan tugas yang ada jika mereka mempercayai-Nya. Tidak hairanlah apabila Santo Paulus memberitahu kita bahawa dia adalah yang terakhir daripada para rasul yang dipanggil, dia sendiri bingung kerana dia tahu dia tidak layak menerima panggilan itu.

Dalam bacaan pertama, Yesaya ditunjukkan sekilas tentang surga di mana Tuhan Yang Maha Esa kita memerintah dengan megah. Yesaya merasa tidak layak dan memerlukan seorang malaikat untuk menyembuhkannya dari dosanya dengan bara api yang menyentuh bibirnya. **Allah bekerja dalam semua kehidupan kita seperti itu, dengan cara yang berbeza.** Keperluan untukewartakan Injil di dunia hari ini adalah mendesak dan penting. Kita juga dipanggil, walaupun dengan kelemahan, kegagalan dan rasa tidak layak kita di tengah-tengah kehidupan biasa kita, kadang-kadang sibuk dan rumit. Yesus memerlukan anda dan saya untuk menjadi tangan dan kaki-Nya untuk "menangkap" orang lain.

Jika kita cukup jujur, jauh di dalam hati, kita juga boleh mendengar soalan Allah, "Siapakah yang akan Kuutus, dan siapakah yang mau pergi untuk Aku?" Marilah dengan cukup berani kita menjawab, seperti Yesaya, "Ini aku, utuslah aku". ❖

AYAT SUCI
MINGGU INI

Yesaya 6: 1-8;

Maz. 137: 1-5, 7-8;

1 Kor 15: 1-11
(atau 15: 3-8, 11);

Lukas 5: 1-11.